

---

**Risalah ini mengandungi maklumat penting.  
Sila baca dengan teliti dan simpan untuk rujukan masa hadapan.**

---

**Bausch & Lomb Boston SIMPLUS™ One Bottle Multi-Action Solution/  
Larutan Pelbagai Tindakan Dalam Satu Botol Bausch & Lomb Boston SIMPLUS™  
Dirumus Khas untuk Kanta Lepak Tegar Telap Gas Fluoro Silikon Akrilat dan Silikon Akrilat**

**Gambaran dan Arahan Penggunaan:**


Larutan Pelbagai Tindakan Boston SIMPLUS ialah produk pembersihan, disinfeksi dan perapi yang inovatif dalam satu botol untuk kanta lekap tegar telap gas (RGP). Produk ini diluluskan untuk pembersihan kanta lekap tegar telap gas fluoro silikon akrilat dan silikon akrilat. Larutan Pelbagai Tindakan Boston SIMPLUS menghilangkan protein dan lipid pada permukaan kanta lekap dan juga membantu menghilangkan mendapan degil pada kanta lekap. Larutan ini juga dirumus untuk membilas kanta lekap, yang menyingkirkan mendapan yang tidak melekat dengan kuat pada permukaan kanta lekap. Sistem perlindungan pelbagai polimer merapikan kanta lekap untuk memberikan perlindungan semasa memakai kanta lekap dan meningkatkan pembasahan yang seragam. Pelembap yang dipatenkan mengekalkan kebolehbassahan kanta lekap. Rumusan ini disediakan untuk memberikan kesan melegakan pada mata anda. Rumusan ini juga mengandungi sistem pengawet yang terbukti berkesan menghapuskan organisma berbahaya. Larutan ini bukan sahaja berkesan untuk pembersihan dan disinfeksi tetapi juga sesuai untuk mata semasa memakai kanta lekap.

**KANDUNGAN:**

Larutan steril, akues dan tertimbang yang mengandungi poloksamina, hidroksialkilfosfonat, asid borik, natrium borat, natrium klorida, hidroksipropilmetil selulosa, Glukam dan diawet dengan klorheksidina glukonat (0.003%), poliaminopropil biguanida (0.0005%).

**ARAHAN:**

**Tanggalkan jalur bercetak pada botol. Jangan gunakan larutan jika jalur bercetak pada botol rosak atau hilang. Untuk memastikan disinfeksi yang betul, semua langkah yang disenaraikan di bawah mestilah dipatuhi:**



1. Basuh tangan anda dengan sabun yang tidak begitu kuat. (Amaran – sabun yang dipam mungkin mengandungi agen ampaian berasaskan minyak.)
2. Letakkan kanta lekap di dalam bekas kanta lekap yang kosong dan isikan dengan Larutan Pelbagai Tindakan Boston SIMPLUS yang baharu. Rendam kanta lekap sekurang-kurangnya selama empat (4) jam atau semalaman sebelum memakainya.
3. Selepas direndam, keluarkan kanta lekap daripada bekas dan gosok kedua-dua belah kanta lekap dengan cermat menggunakan dua (2) hingga empat (4) titis Larutan Pelbagai Tindakan Boston SIMPLUS di atas tapak tangan anda selama dua puluh (20) saat. Pembersih harian lain tidak diperlukan.
4. Bilas selama kira-kira lima (5) saat dengan aliran Larutan Pelbagai Tindakan Boston SIMPLUS yang stabil untuk menyingkirkan mendapan yang tidak melekat dengan kuat pada permukaan (Catatan: Bilasan menggunakan air paip tidak diperlukan) dan pakai kanta lekap.
5. Bersihkan bahagian dalam bekas kanta lekap dengan teliti menggunakan air panas dan biarkan kering selepas setiap kali digunakan. Langkah berjaga-jaga: Untuk mengelakkan

pencemaran, pastikan hujung botol tidak terkena apa-apa objek. Pastikan botol ditutup rapat jika tidak digunakan.

**AMARAN & LANGKAH BERJAGA-JAGA:**

- Jangan gunakan produk ini jika anda alah kepada mana-mana ramuan dalam produk ini.
- Bukan untuk digunakan dengan kanta lekap lembut (hidrofilik).
- Tatacara penjagaan kanta lekap yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata anda mestilah dipatuhi. Kegagalan mematuhi tatacara ini boleh menyebabkan berlakunya jangkitan mata yang serius.
- Jangan sentuh hujung botol pada mana-mana permukaan atau mata anda kerana ia boleh mencemarkan larutan atau menyebabkan kecederaan pada mata.
- Sentiasa basuh tangan anda sebelum mengendalikan kanta lekap.
- Jangan gunakan semula larutan. Sentiasa gunakan larutan baharu untuk pembersihan dan disinfeksi kanta lekap.
- Pastikan botol ditutup ketika tidak digunakan untuk mengelakkan pencemaran atau penyejatan.
- Simpan pada suhu bilik (15-30°C).
- Jangan gunakan apa-apa ubat mata bersama-sama dengan larutan ini melainkan di bawah pengawasan perubatan.
- **BUANG BAKI LARUTAN SELEPAS 3 BULAN BOTOL DIBUKA KALI PERTAMA.**
- Jangan gunakan produk selepas tarikh luput.
- **JAUHKAN PRODUK DARIPADA KANAK-KANAK.**
- Bekas kanta lekap boleh menjadi sumber yang penting bagi pencemaran mikrob dan kerengsaan okulus. Bekas kanta lekap hendaklah dibersihkan setiap hari dengan pembersih kanta lekap surfaktan, bilas dengan air panas dan biarkan kering dengan penutupnya dibuka. Bekas kanta lekap hendaklah digantikan dengan kerap.
- **JANGAN CAMPURKAN LARUTAN DENGAN CECAIR LAIN MELAINKAN SEPERTI YANG DIARAHKAN.**

**PERKARA PENTING:**

Jika berlaku kerengsaan atau pengeluaran air mata yang berlebihan, berterusan atau meningkat atau jika penglihatan anda terjejas, hentikan penggunaan produk dan segera dapatkan nasihat pengamal penjagaan mata anda.

**Cara produk dibekalkan:** Larutan Pelbagai Tindakan Boston SIMPLUS disediakan di dalam botol steril dengan isipadu kurang daripada 500 ml setiap botol. Setiap botol dicap dengan nombor lot dan tarikh luput.

Dikilangkan oleh: Bausch & Lomb Inc., Greenville Solutions Plant,  
8507 Pelham Road, Greenville, SC 29615, USA untuk Bausch & Lomb Inc., Rochester, NY 14609  
USA

®/TM menandakan tanda dagangan Bausch & Lomb Incorporated.  
© Bausch & Lomb Incorporated